

29 DISEMBER 2017

## Serbu rumah jumpa duit palsu

KOSMO! JUMAAT 29 DISEMBER 2017

NEGARA! 3



SEBAHAGIAN wang kertas palsu dolar AS dan Ringgit Malaysia yang dirampas polis.



NOOR AZAM (tengah) menunjukkan wang palsu yang dirampas di sebuah rumah selepas sidang akbar di IPK Negeri Sembilan, Seremban semalam.



KAMPUNG Jiran Tengah di Nilai merupakan lokasi serbuan polis ke atas sebuah rumah yang dijadikan markas pengedaran dadah.

Polis rampas mata wang dolar AS bernilai RM1.4 juta, tangkap lima sindiket dadah

## Serbu rumah jumpa duit palsu

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**S**EREMBAN — Polis menerima sebanyak 3,464 keping wang kertas palsu dolar Amerika Syarikat (AS) bernilai A\$8346,400 (RM1.4 juta) selepas menyerbu sebuah rumah yang dipercayai dijadikan markas pengedaran dadah di Kampong Jiran Tengah, Nilai dekat sini kelmarin.

Dalam serbuan pulak II malam itu, Jabatan Siasatan Jenayah

Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri juga menjumpai 134 keping wang kertas palsu Ringgit Malaysia berjumlah RM13,600.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Noor Azam Jamaludin berkata, selain wang palsu, polis merampas dadah sejak jenis syabu yang dianggarkan seberat 10.91 gram bernilai RM1,300 di rumah berkenaan.

"Seramai tiga lelaki serta dua wanita berusia antara 21 hingga

37 tahun yang berada di rumah tersebut telah diberkas dalam serbuan itu.

"Dua daripada mereka merupakan pasangan kekasih yang sudah bertunang. Rumah tersebut adalah milik keluarga suspek lelaki yang bertunang itu namun dia yang tinggal di kediaman berkenaan," katanya pada sidang akbar di IPK Negeri Sembilan di sini semalam.

Noor Azam memberitahu, rumah tersebut diserbu selepas

polis yang melakukan siasatan dan risikan percaya kediaman itu telah dijadikan markas pengedaran dadah sejak tiga hingga empat tahun lalu.

Katanya, kelima-lima suspek dipercayai ahli sindiket pengedaran dadah dan mereka memiliki rekod jenayah membabitkan kes dadah dan beberapa jenayah lain.

Sindiket terbabit disyaki mengedaran dadah di sekitar kawasan Nilai.

"Bagaimanapun, polis masih menyiasat sama ada wang palsu dolar Amerika dan Ringgit Malaysia yang ditemui dalam rumah itu ada kaitan dengan kegiatan haram yang dilakukan sindiket terlibat," ujarnya.

Kesemua suspek kini diremaja sehingga Ahad ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 489C Kanun Keseksian kerana memiliki wang palsu selain Seksyen 39A(1) dan Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.